

NOTA AMALAN NO. 1/2023

PENJELASAN BERHUBUNG LAYANAN CUKAI KE ATAS KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN TUKARAN ASING BAGI ORANG YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI DI BAWAH AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 (APCP)

1. Nota Amalan ini dikeluarkan bagi memberi penjelasan berhubung layanan cukai ke atas keuntungan dan kerugian tukaran asing yang timbul daripada transaksi dalam mata wang asing di bawah APCP.
2. Keuntungan dan kerugian tukaran asing berlaku apabila terdapat transaksi dalam mata wang asing dibandingkan dengan Ringgit Malaysia (RM) pada dua tarikh yang berlainan.
3. Layanan cukai berhubung dengan keuntungan dan kerugian tukaran asing dijelaskan dalam –
 - a) *Guidelines on Tax Treatment Related to the Implementation of MFRS 121 (or Other Similar Standards)(Revised)* yang diterbitkan pada 16 Mei 2019 (Garis Panduan MFRS 121). Garis panduan ini terpakai kepada semua aktiviti perniagaan di Malaysia yang menggunakan MFRS 121 bagi tujuan perakaunan.
 - b) Ketetapan Umum (KU) 12/2019 Layanan Cukai ke atas Keuntungan dan Kerugian Tukaran Asing. KU ini diterbitkan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).
4. Prinsip yang digunakan dalam menentukan layanan cukai tukaran asing yang dijelaskan dalam KU 12/2019 dan Garis Panduan MFRS 121 adalah digunakan bagi Orang Yang Boleh Dikenakan Cukai (OBD) di bawah APCP.

Oleh itu, layanan cukai bagi OBD yang tertakluk kepada APCP adalah seperti berikut:

- a) keuntungan atau kerugian daripada tukaran asing bagi transaksi dalam operasi petroleum yang bersifat hasil dan terealisasi, keuntungan atau kerugian tersebut hendaklah dikenakan cukai atau dibenarkan potongan di bawah subseksyen 15(1) APCP.

- b) keuntungan atau kerugian daripada tukaran asing bagi transaksi dalam operasi petroleum yang bersifat hasil dan tidak terealisasi, keuntungan atau kerugian tersebut tidak dikenakan cukai atau tidak dibenarkan potongan di bawah subseksyen 15(1) APCP sehingga ia terealisasi.
 - c) keuntungan atau kerugian daripada tukaran asing bagi transaksi dalam operasi petroleum yang bersifat modal sama ada terealisasi atau tidak terealisasi, keuntungan atau kerugian tersebut tidak dikenakan cukai atau tidak dibenarkan potongan di bawah subseksyen 15(1) APCP.
 - d) keuntungan atau kerugian daripada tukaran asing yang timbul daripada terjemahan mata wang fungsian kepada mata wang pembentangan dalam penyata kewangan bagi tujuan perakaunan, keuntungan atau kerugian tersebut tidak dikenakan cukai atau tidak dibenarkan potongan di bawah subseksyen 15(1) APCP.
5. Suatu transaksi dalam operasi petroleum dianggap terealisasi apabila pembayaran penyelesaian dilakukan. Jika amaun yang dijelaskan dalam mata wang asing melalui akaun mata wang asing, mata wang berkenaan tidak perlu ditukar secara fizikal untuk dianggap transaksi tersebut terealisasi. Dengan kata lain, terealisasi tidak semestinya berlaku dalam keadaan tukaran secara fizikal sahaja. Maksud terealisasi yang dinyatakan dalam KU 12/2019 juga terpakai kepada OBD di bawah APCP.
6. Nota Amalan ini perlu dibaca bersama-sama dengan Garis Panduan MFRS 121 yang diterbitkan pada 16 Mei 2019 yang boleh dimuat turun daripada portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di www.hasil.gov.my.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

TARIKH PENERBITAN : 15 JUN 2023